



## 200 pelajar KAA Daerah Petaling Utama sertai Mukhayyam Bahasa Arab UM

Oleh [Norzamira Che Noh](#) - Januari 29, 2023 @ 9:10pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Lebih 200 pelajar Tingkatan Satu hingga Tiga daripada lapan sekolah KKK Daerah Petaling Utama mengambil bahagian dalam program Mukhayyam Bahasa Arab anjuran UM. - Foto ihsan UM

KUALA LUMPUR: Seramai 200 pelajar Tingkatan Satu hingga Tiga daripada lapan sekolah Kelas Aliran Agama (KAA) Daerah Petaling Utama menyertai program Mukhayyam Bahasa Arab Murid-Murid Kelas Aliran Agama Tahun 2023.

Program anjuran Jabatan Bahasa Arab Dan Bahasa-Bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya (UM) itu diadakan di Dewan Angsana dan persekitaran fakulti itu, semalam.

Program diselia sepenuhnya oleh Penasihat Nadi Bahasa Arab UM, Ustazah Hanan Salleh, dibantu 20 fasilitator dari Nadi Bahasa Arab Jabatan Bahasa Arab UM itu

disertai Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Sri Damansara 1, SMK Seksyen 10 Kota Damansara dan SMK Taman Dato' Harun.

Selain itu, SMK Seksyen 4 Kota Damansara, SMK Damansara Damai 1, SMK Taman Medan, SMK Seksyen 8 Kota Damansara dan SMK Sri Utama.

Yang turut hadir, Pegawai Pendidikan Daerah Petaling Utama, Haniza Mohd Jabar@Ibrahim.

Fakulti Bahasa dan Linguistik UM dalam kenyataan, memaklumkan program itu dilaksanakan bagi menyahut seruan Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan lagi kemahiran asas bahasa Arab murid berikutan bahasa itu kini menjadi satu daripada bahasa yang meluas tersebar di dunia dan ditutur hampir 300 juta orang.

"Pelbagai aktiviti diaplikasi sepanjang program berkenaan termasuk 'sing-song', tahbib al-'Arabiyyah dan permainan bahasa untuk mencapai objektif pengajuran.

"Antara acara yang menarik adalah 'sing song' yang mana dalam acara ini peserta dibahagikan kepada 10 kumpulan dan dibantu oleh dua orang fasilitator yang berperanan membimbing mereka sepanjang program.

"Mereka dikehendaki menghafal kosa kata bahasa Arab melalui nyanyian dan mempersembahkannya dengan cara yang kreatif kepada penonton dan juri akan menilai dari segi kreativiti dan gaya persembahan," menurut kenyataan itu.

Pelajar Tingkatan Dua SMK Taman Medan, Mohd Qayyum, berkata dia berasa bangga kerana dapat menyertai program itu, selain berpeluang mendapat kawan baru.

"Melalui program ini saya dapat belajar menghafal kosa kata bahasa Arab, melawan perasaan malu, di samping menambahkan keyakinan diri," katanya.

Pelajar Tingkatan Dua SMK Seksyen 4 Kota Damansara, Nur Alisha Syuhada, berkata program yang disertainya sangat menyeronokkan kerana dapat menambah pelbagai ilmu serta mengetahui lebih banyak perkataan Arab.

"Melalui program ini juga saya berasa lebih tertarik dan suka dengan bahasa Arab," katanya.